Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 9, e002539
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2539

RESEARCH ARTICLE

Impak COVID Terhadap Sektor Pembersihan Tempatan: Kajian Syarikat dan Pekerja Pembersihan Tempatan

(The Impact of COVID on the Local Cleaning Sector: A Study of Cleaning Companies and Local Cleaning Workers)

Nurul Asmaa Akmal binti Md Din[1*], Awang Azman bin Awang Pawi[2]
Rosila Bee Mohd Hussain[3]

[1]Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: asmaaakmal73@gmail.com,
[2]Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: awangazman@um.edu.my
[3]Department of Anthropology and Sociology Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: rosila_bee@um.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Nurul Asmaa Akmal binti Md Din
(asmaaakmal73@gmail.com)

KATA KUNCI:
Sektor pembersihan
Pekerja pembersihan
3D
Pandemik

KEYWORDS:
Cleaning sector
Cleaning sector
3D job
Pandemic

CITATION:
Nurul Asmaa Akmal Md Din, Awang Azman Awang Pawi, & Rosila Bee Mohd Hussain. (2023). Impak COVID Terhadap Sektor Pembersihan Tempatan: Kajian Syarikat dan Pekerja Pembersihan Tempatan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(9), e002539. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2539

ABSTRAK

Kajian ini meneliti impak COVID-19 terhadap pekerja pembersihan warganegara tempatan yang telah disediakan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan pembersihan di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti impak COVID-19 terhadap syarikat dan pekerja pembersihan warganegara tempatan yang berada di Lembah Klang. Tujuan lain ialah menganalisis cara yang diambil untuk mengatasi halangan disebabkan peraturan semasa COVID-19 oleh syarikat dan pekerja sektor pembersihan. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif melibatkan temu bual terhadap dua pihak. Pihak pertama ialah majikan yang membekalkan perkhidmatan pekerja manakala pihak kedua ialah pekerja pembersihan yang bekerja di syarikat tersebut. Sebanyak 3 buah syarikat yang membekalkan pekerja pembersihan tempatan dan seramai 10 orang informan yang bekerja sebagai pekerja pembersihan yang dikenal pasti telah dipilih dalam melakukan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat perubahan pola penyertaan orang tempatan kepada sektor pembersihan dan cara yang digunakan oleh pekerja pembersihan tempatan untuk mengatasi kekangan bekerja semasa berada dalam fasa pandemik.

ABSTRACT

This study examined the impact of COVID 19 on local cleaning workers provided by companies that provide cleaning services in Malaysia. The aim of this study was to

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

examine the impact of COVID 19 on local cleaning companies and workers in the Klang Valley. Another purpose is to analyze strategies used by by companies and employees of the cleaning sector to overcome obstacles due to regulations during COVID 19. The approach used in this study is a qualitative approach involving interviews of two parties. The first party is the employer who provides the services of the employee while the second is the cleaning worker who works in the company. A total of 3 companies that supplied local cleaning workers and 10 informants working as identified cleaning workers were selected in the study. The results showed that there was a change in local people's participation patterns to the cleaning sector and the ways used by company and local cleaning workers to overcome the constraints of working during the pandemic phase.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada terhadap impak Covid-19 dalam sektor ekonomi terutamanya dalam sektor pembersihan.

1. Pengenalan

Dunia pada hari ini sedang mengalami serangan pandemik penyebaran penyakit berjangkit yang sangat serius yang disebabkan oleh *coronavirus* sindrom pernafasan akut 2 (SARS-CoV-2 atau nama lainnya ialah penyakit *coronavirus* 2019 (COVID-19). Penyakit ini bermula di China dan kemudiannya merebak secara ke global ke seluruh dunia pada awal Januari tahun 2020. Gelombang pandemik Covid-19 di Malaysia dibahagikan kepada tiga. Kluster awal permulaan Covid-19 di Malaysia ialah kluster Masjid Seri Petaling yang menyebabkan jumlah kes sehingga 2766 kes positif (Hashim et al., 2021). Malaysia pada ketika itu berada dalam keadaan kurang bersedia dalam menghadapi pandemik disebabkan krisis politik.

Kementerian Kesihatan memainkan peranan yang sangat penting dalam membuat persiapan untuk menghalang penyebaran COVID-19. Menurut Shah et al. (2020), antara langkah yang dibuat untuk menghalang penyebaran Covid ialah penguatkuasaan pemeriksaan kesihatan di semua pintu masuk untuk mengenal pasti mana-mana pelancong yang mengalami simptom demam ketika pulang dari luar negara. Cara lain diambil ialah menambah jumlah hospital yang dikhaskan untuk merawat COVID-19. Langkah yang paling drastik diambil oleh Kementerian Malaysia untuk mengekang penyebaran COVID-19 ini ialah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Langkah ini dibuat agar semua rakyat duduk di rumah dan menjalankan penjarakan sosial supaya pesakit COVID-19 dapat dikenal pasti. Pelaksanaan PKP ini menyebabkan semua rakyat duduk di rumah dan hanya perkhidmatan penting sahaja dibenarkan beroperasi.

Walaupun PKP telah menyebabkan banyak sektor ditutup dan ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan, terdapat sinar baru buat sektor pembersihan Malaysia terutamanya di Lembah Klang. Terdapat peningkatan jumlah pekerja tempatan yang mula menceburi bidang pekerjaan domestik. Pekerjaan domestik boleh dikategorikan sebagai pekerjaan asas yang mana dilabelkan sebagai 'kerja kotor'. Pekerjaan ini menjadi pekerjaan asas kerana memerlukan kemahiran asas seperti menyapu sampah,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membersihkan kawasan, menjaga kanak-kanak atau orang yang memerlukan penjagaan kesihatan seperti orang awam ataupun orang kelainan upaya (OKU).

Pekerjaan domestik ini bukan sahaja popular di negara-negara maju seperti United States dan Korea sahaja malah turut wujud di negara membangun seperti Malaysia. Pekerja domestik mendapat permintaan yang tinggi dari rakyat Malaysia sama ada bagi pihak syarikat atau rumah-rumah (Hamzah & Daud, 2018). Kajian lepas membuktikan bahawa pekerja domestik ini tidak mempunyai pengiktirafan dan penghargaan oleh masyarakat sekeliling (Kontos, 2014). Hal ini menjadi lebih teruk apabila pandemik COVID-19 mula merebak ke seluruh dunia. Banyak syarikat tidak dapat beroperasi seperti biasa dan pekerja asing terpaksa dibuang bagi mengurangkan kos kerugian yang ditanggung. Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020 dan perintah ini menyebabkan banyak sektor ekonomi ditutup. Banyak syarikat terpaksa membuang pekerja dan menutup modus operasi syarikat.

Namun begitu, pekerjaan pekerja pembersihan mula dianggap penting apabila pandemik COVID-19 mula merebak di seluruh dunia. Hal ini kerana sektor pembersihan dianggap sebagai sektor penting untuk membasmi penularan wabak COVID-19. Berdasar pendapat Hennekam et al. (2020), pekerjaan yang bukan sektor kesihatan yang menguruskan kebersihan, keselamatan dan tugas pengurusan dalam hospital mula dianggap penting. Malah, pekerjaan ini dianggap sebagai hero kerana diperlukan dalam situasi berbahaya seperti penularan jangkitan COVID-19. Pekerja pembersihan menjadi satu pekerjaan yang disebut sejak berlakunya pandemik di seluruh dunia. Kewujudan pekerja pembersihan mula disedari dan diangkat sebagai hero yang tidak didendangkan dalam dunia pekerjaan ini. Berdasarkan laporan akhbar yang bertarikh 4 Jun 2021, "*cleaners unsung heroes on Covid-19 frontline*", pengorbanan pekerja pembersihan perlu dihargai oleh masyarakat. Malah, bukan semua orang yang sanggup bekerja sebagai pekerja pembersihan untuk berhadapan degan risiko berdepan dengan penyakit berbahaya dan juga virus boleh menyebabkan kematian manusia seperti Coronavirus-19. Pekerjaan pekerja pembersihan ini tergolong dalam kumpulan 3D iaitu *Dirty, Difficult and Dangerous* yang menyebabkan pekerja pembersihan ini sering terdedah kepada bahaya yang boleh mengancam nyawa pekerjaan ini. Tidak dinafikan, permintaan terhadap kerja ini semakin tinggi disebabkan sektor ini terdiri daripada jenis sektor yang dibenarkan beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

1.1. Permasalahan Kajian

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah usaha progresif yang dibuat oleh kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dengan lebih efektif disebabkan jumlah kes jangkitan Covid berada di paras yang membimbangkan. Semasa fasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, banyak sektor ditutup seperti sektor ekonomi, sektor perindustrian, sektor pembinaan, sektor perkilangan, sektor perniagaan dan lain-lain telah tidak dibenarkan untuk beroperasi. Hanya sektor penting sahaja dibenarkan untuk beroperasi seperti sektor air, elektrik, tenaga, komunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, pelaburan, penjara, lapangan terbang, keselamatan, pembersihan, pertahanan, peruncitan dan bekalan makanan sahaja (Astro Awani, 2020). Isu pandemik yang telah melanda satu dunia telah menyebabkan kemasukan pekerja asing ke dalam sektor ekonomi mula disekat. Laporan berita yang dibuat oleh Adnan (2020) menyiarkan berita bahawa kewujudan pekerja asing dikatakan menjadi penyumbang kepada peningkatan kluster Covid-19. Masyarakat tempatan percaya bahawa kumpulan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pekerja asing tidak mempunyai kad pengenalan diri dan status kewarganegaraan menyebabkan proses pengesanan sukar dibuat. Oleh sebab itu, banyak permintaan terhadap pekerja asing beralih kepada syarikat yang membekalkan pekerja tempatan. Malah, Majlis Perbandaran Petaling Jaya juga tidak membenarkan pekerja asing untuk bekerja bagi mengekang penularan Covid-19 ini. Hal ini berlaku disebabkan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Penjaja 2007 MBPJ yang melarang pekerja asing untuk bekerja di pasar tersebut selepas berlakunya penularan Covid-19 (Muslim, 2020).

Oleh sebab itu, ramai rakyat Malaysia yang telah terkesan disebabkan oleh PKP ini. Rakyat yang menjana pendapatan melalui bidang-bidang yang terkesan kerana tidak boleh beroperasi disebabkan oleh PKP terpaksa mencari alternatif lain untuk meneruskan kelangsungan hidup. Terdapat rakyat yang mencuba untuk menceburi bidang e-hailing seperti Grab, Foodpanda dan sebagainya. Terdapat sebilangan rakyat lagi telah mencuba untuk menceburi sektor pembersihan dengan mengambil upah membersihkan rumah, mencuci longkang ataupun memotong rumput. Namun sejauh manakah kesan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan ini terhadap sektor pembersihan Malaysia? Bagaimanakah kumpulan syarikat dan pekerja pembersihan tempatan menggunakan mekanisme daya tindak balas ini cuba mengatasi masalah yang dihadapi dengan menggunakan peluang yang terbuka? Berdasarkan isu yang telah diketengahkan, pengkaji melihat keadaan perubahan dinamika corak penyertaan pekerja yang terlibat dalam sektor pembersihan sebelum dan selepas COVID-19 berlaku dan mekanisme daya tindak balas yang dibuat oleh kumpulan syarikat dan pekerja pembersihan ini untuk mengatasi masalah berkenaan.

1.1. Objektif Kajian

i. Meneliti impak COVID-19 terhadap syarikat dan pekerja pembersihan warganegara tempatan yang berada di Lembah Klang.
ii. Menganalisis cara yang diambil untuk mengatasi halangan disebabkan peraturan semasa COVID-19 oleh syarikat dan pekerja sektor pembersihan.

2. Kajian Literatur

Kerja 3D atau lebih dikenali sebagai *dirty, difficult* dan *dangerous* ialah sebuah sektor yang merangkumi kerja-kerja buruh dan domestik. Malah, kerja 3D ini juga diklasifikasikan sebagai kerja yang tidak berkemahiran tinggi dan mempunyai buruh yang intensif (Tunon & Baruah, 2012). Keengganan atau keengganan orang tempatan untuk menceburkan diri dalam sektor pekerjaan ini telah mewujudkan kekosongan tertentu yang tidak dipenuhi dan hal itu telah memberi peluang kepada pekerja asing untuk mengisi jurang buruh (Wahab, 2020). Menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan bahawa majoriti (78 peratus) daripada 101 syarikat anggotanya yang ditinjau melaporkan bahawa kekurangan tenaga kerja adalah sebab utama pengambilan pekerja asing di syarikat masing-masing (Malaysian Employers Federation [MEF], 2014 dalam Wahab, 2020).

Menurut Bekas Menteri Kemanusiaan, M. Kulasegaran, ramai rakyat Malaysia yang mahu menceburi bidang 3D sekiranya mereka dibayar lebih (Sivanandam et al., 2018). Kenyataan dari bekas menteri ini menunjukkan bahawa faktor rakyat tempatan tidak mahu melakukan kerja 3D adalah disebabkan harga bayaran yang murah dan tidak berpadanan dengan beban kerja yang dibuat. Berdasarkan temu bual bersama

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menunjukkan bahawa tiada laporan kukuh yang menunjukkan bahawa rakyat Malaysia tidak mahu bekerja dalam sektor 3D (Babulal, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa pekerja tempatan sudah mula berjinak-jinak dengan sektor kerja buruh. Pekerja domestik telah ditakrifkan sebagai individu yang bekerja di rumah majikan dengan melakukan kerja domestik seperti menyapu dan membersih, membasuh baju dan pinggan, membeli barang keperluan dan memasak, memasak untuk isi rumah atau berkebun atau perkhidmatan keselamatan (Chen, 2016). Chen (2016) juga menyatakan bahawa pekerjaan domestik ini ialah pekerjaan yang penting untuk membantu majikan menguruskan rumah sementara majikan keluar pergi bekerja.

Berdasarkan pendefinisian yang dibuat oleh Chen (2016) pula menunjukkan pekerja pembersihan juga diklasifikasikan sebagai salah satu pekerjaan domestik. Setiap pekerjaan mempunyai peranan yang tersendiri dan individu akan berasa dihargai atas setiap kerja yang dibuat. Baumeister dan Leary (1995) serta Dutton, Debebe, dan Wrzesniewski (2016) menyatakan bahawa setiap individu akan bermotivasi untuk dihargai dan berasa menjadi sebahagian daripada kumpulan sosial. Namun begitu, ada sesetengah berasa diri mereka tidak dihargai disebabkan oleh pekerjaan mereka. Menurut Rabelo dan Mahalingam (2019), pekerja pembersihan dianggap tidak wujud dan tidak kelihatan pada pandangan masyarakat. Hal ini boleh berlaku disebabkan sesuatu pekerjaan dianggap tidak penting seperti pekerjaan lain. Hatton (2017) menyatakan bahawa terdapat tiga mekanisme pekerjaan yang tidak kelihatan. Pertama, pekerjaan itu tidak kelihatan apabila kerja ini melibatkan aktiviti seharian yang biasa dilakukan. Kedua, kerja dianggap tidak kelihatan apabila terkeluar daripada kategori standard pekerjaan dan ketiga ialah kerja dibuat secara jarak jauh seperti kerja *virtual*. Oleh sebab itu, pekerjaan pekerja pembersihan dianggap sebagai tidak kelihatan pada pandangan masyarakat.

Pendefinisian yang dibuat oleh Zock (2005) dan Burger et al. (2018) menunjukkan kerja domestik boleh ditakrifkan sebagai satu kerja yang berkemahiran rendah dan tergolong dalam kumpulan pendidikan dan sosioekonomi yang kurang maju, Gurung (2010) menyatakan bahawa individu yang bekerja dalam bidang ini sering dianggap sebagai hamba dan bukannya sebagai profesional. Malah, pekerja domestik juga dinafikan hak kemanusiaan dan stereotaip sebagai pekerja yang tidak berkemahiran atau berpendidikan. Pekerja domestik menurut pendefinisian Sahni dan Junnarkar (2019), adalah seseorang yang melakukan pelbagai kerja di rumah majikan, termasuk pengemasan, memasak, dobi, menyeterika, membeli-belah runcit, dan menjaga anak-anak kecil dan orang tua. Pekerja domestik juga dianggap sebagai hamba moden (Anderson, 2004 dalam Figueiredo et al., 2016). Menurut Sinha et al. (2020), di India dan seluruh dunia kerja domestik menjadi salah satu pekerjaan yang berasal daripada sejarah kolonialisme dan perhambaan disebabkan kurangnya peraturan tempat kerja dan rundingan kuasa antara majikan dan pekerja

3. Metod Kajian

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji menggunakan teknik temu bual untuk mendapatkan data yang diperlukan. Syarikat-syarikat pembersihan yang menyediakan perkhidmatan kerja daripada warga tempatan telah dikenal pasti sebelum proses mendapatkan data dibuat. Sebanyak 3 buah syarikat yang menjalankan perkhidmatan pembersihan telah dikenal pasti melalui persampelan bertujuan berdasarkan ciri mengikut justifikasi penulis.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sepuluh orang janitor yang telah dikenal pasti melalui persampelan bola salji dipilih dalam kajian ini. Kemudian, majikan serta pekerja daripada syarikat tersebut telah ditemu bual secara maya untuk mendapatkan data kajian. Temu bual secara mendalam menggunakan kaedah maya seperti Google Meet dan juga Skype disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini juga dilakukan sebagai satu usaha untuk mengelakkan terkena jangkitan COVID-19 semasa mendapatkan data. Temu bual dirakam bagi membantu pengkaji memahamkan lagi kajian secara mendalam. Hasil temu bual dianalisis dan dapatan dapat dikeluarkan bagi memenuhi objektif kajian. Individu yang bekerja sebagai pekerja pembersihan dikenal pasti melalui teknik *"snowball"* disebabkan pengkaji sukar untuk ke lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

Lokasi kajian dipilih berdasarkan jumlah syarikat dan pekerja pembersihan Melayu yang membekalkan perkhidmatan pembersihan kepada pelanggan. Selain itu, antara faktor lain yang dilihat dalam pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan kepada jumlah kes Covid-19 semasa gelombang ketiga yang berlaku disebabkan kes rentas negeri dan Pilihan Raya Negeri. Hasil laporan kes Covid dianalisis berdasarkan daripada laporan jangkitan Covid-19 mengikut negeri yang terdapat di laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (n.d.). Hasil laporan keputusan jangkitan Covid-19 diambil bermula 1 September 2020 sehingga 31 Ogos 2021 (jumlah masa selama 12 bulan).

Rajah 1 menunjukkan hasil analisis data ini menunjukkan bahawa mukim yang tertinggi mempunyai kes jangkitan Covid-19 ialah mukim Petaling dengan jumlah kes sebanyak 169220. Oleh sebab itu, kawasan mukim Petaling telah dijadikan sebagai tempat lokasi kajian dijalankan.

Rajah 1: Jumlah Keseluruhan Kes Covid di Lembah Klang



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (n.d.)

Proses pengutipan dibuat setelah semua sasaran kajian telah dikenal pasti. Semua syarikat dan informan yang dikenal pasti telah dihubungi terlebih dahulu menggunakan tiga cara iaitu panggilan telefon, emel dan juga mesej di WhatsApp. Setelah kesemua pihak yang terlibat bersetuju, pengkaji telah menghantar set soalan dan dokumen yang diperlukan untuk proses pengutipan data. Kemudian, tarikh telah ditetapkan mengikut kesesuaian informan bagi membuat proses temu bual untuk mengutip data. 80%

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

daripada kutipan data telah dibuat menggunakan panggilan video menggunakan aplikasi seperti Google Meet dan Skype disebabkan kekangan keadaan berada dalam tempoh pandemik. Temu bual telah direkodkan untuk memudahkan proses transkripsi. Hasil transkripsi telah dianalisis menggunakan analisis tematik untuk mendapatkan data mengikut objektif yang telah ditetapkan.

4. Dapatan Kajian

Berdasarkan data kajian yang telah dibuat, didapati bahawa terdapat dua dapatan yang menjawab kepada objektif kajian berdasarkan temu bual yang dibuat.

4.1 Demografi Kajian

Kajian ini melibatkan syarikat pembersihan yang bergiat dalam sektor pembersihan melebihi 4 tahun manakala kumpulan janitor yang bekerja dalam sektor pembersihan ini dipilih berdasarkan pekerja tempatan yang menceburi sektor pembersihan semasa pandemik Covid-19.

Jadual 1 menunjukkan semua syarikat yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengalaman dalam sektor pembersihan lebih daripada 4 tahun. Semua syarikat ini bertempat di kawasan Lembah Klang dan menyediakan perkhidmatan pembersihan kepada semua kawasan di Lembah Klang.

Jadual 1: Profil Syarikat Pembersihan

No	Label Syarikat	Lokasi	Jenis Syarikat	Tempoh Syarikat Beroperasi
1.	Syarikat A	Bangsar	Swasta	9 tahun
2.	Syarikat D	Kuala Lumpur	Swasta	6 tahun
3.	Syarikat E	Selangor	Swasta	5 tahun

Jadual 2 pula menunjukkan profil demografi janitor yang terlibat dalam sektor pembersihan di Lembah Klang. Kesemua janitor ini mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 6 bulan dalam perkhidmatan pembersihan.

Jadual 2: Profil Janitor yang membuat kerja pembersihan di Lembah Klang

No	Jantina	Umur	Asal	Pekerjaan sebelum
1.	Lelaki	30	KL	Ejen jualan dan perkhidmatan
2.	Lelaki	32	Johor	Pekerja syarikat swasta
3.	Lelaki	37	Selangor	Pekerja syarikat swasta
4.	Lelaki	37	Johor	Pekerja syarikat swasta
5.	Lelaki	39	Selangor	Buruh-mekanik
6.	Perempuan	31	Melaka	Pelajar
7.	Perempuan	27	Terengganu	Pelajar
8.	Perempuan	35	Selangor	Pekerja syarikat swasta
9.	Perempuan	39	KL	Pekerja syarikat swasta
10.	Perempuan	21	Terengganu	Pelajar

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2. Impak COVID-19 terhadap syarikat dan pekerja pembersihan warganegara tempatan

Hasil kajian didapati bahawa ramai orang tempatan telah mula menceburi kerjaya sebagai pekerja pembersihan selepas berlakunya pandemik. Hasil analisis boleh dilihat melalui temu bual syarikat dan pekerja pembersihan tersebut. Berikut adalah pandangan syarikat A terhadap penglibatan orang tempatan dalam sektor pembersihan.

> *"… Kami perasan banyak orang tempatan dah register untuk jadi crew kami. Bila dah habis PKP 2 tu, dah mula orang request untuk join kerja nak buat cleaning.. Hmm biasanya kalau sebulan mungkin lebih 30 crew datang mendaftar diri untuk jadi crew. And lepas tu memang mereka akan terus join training terus. Biasanya crew yang dah lulus training akan terus mula bekerja. Memang Nampak perubahan positif."*

Dalam temu bual ini, syarikat A menyatakan bahawa terdapat ramai orang tempatan yang mula berminat untuk menceburi kerja pembersihan ini. Malah, individu ini serius sehingga berjaya menghabiskan latihan sebagai pekerja pembersihan dan mula bekerja sebaik sahaja lulus ujian yang ditetapkan oleh syarikat. Syarikat kedua iaitu syarikat B juga menekankan isu sama seperti yang dijelaskan melalui temu bual berikut;

> *"At the time of Covid we cannot hire foreigners. I thought when we blast it public to find these workers it was difficult to get attention. Apparently not. We got so many messages and most of them are Malaysian Malaylah. We are quite shocked and think wow world has changed!"*

Perkara ini mengejutkan kerana sebelum ini syarikat B pernah membuat iklan untuk mencari pekerja sebagai pekerja pembersihan untuk kerja pembersihan asas namun kebanyakan yang mendaftar ialah orang Indonesia. Apabila berlaku pandemik, banyak peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan kediaman yang mana tidak membenarkan pekerja asing tanpa permit dan vaksinasi untuk masuk ke kediaman. Jadi, syarikat ini terpaksa menukar pekerja asing kepada pekerja tempatan yang sudah menerima vaksin sebanyak 2 dos sebagai syarat. Perkara yang mengejutkan ialah tawaran kerja tersebut mendapat banyak sambutan pekerja tempatan yang berminat untuk menjadi pekerja pembersihan dengan syarikat mereka. Syarikat C juga berkongsi pendapat sama tentang perubahan minat pekerja tempatan yang beralih kepada sektor pembersihan. Pendapat syarikat C boleh dilihat melalui temu bual berikut:

> *"Susah nak cakap sebelum ni jaranglah ada orang Melayu. Ada tu ada jaranglah. Sekarang memang ramai dan tak sangka orang Melayu kita nak buat kerja ni. Kami pon dah stop hire foreigners sebab customer kami lagi suka kerja orang kita. Kemas dan bersih."*

Melalui temu bual dengan syarikat C, pengkaji mendapati bahawa terdapat peningkatan pekerja Melayu yang bekerja dalam di syarikat ini. Malah, syarikat ini tidak lagi mengupah pekerja asing disebabkan jumlah pekerja tempatan yang bergiat di syarikat itu memenuhi permintaan pelanggan. Perkara yang paling memberangsangkan ialah kualiti kerja yang diberikan oleh pekerja tempatan lebih berkualiti dari pekerja warga asing.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hasil temu bual ini menunjukkan bahawa syarikat pembersihan telah menerima kemasukan ramai pekerja yang terdiri daripada orang awam telah mendaftar untuk bekerja sebagai pekerja pembersihan berbanding sebelum berlaku pandemik. Hal ini menunjukkan perubahan positif kepada sektor pembersihan kerana syarikat tidak perlu lagi bergantung kepada pekerja warga asing untuk membekalkan pekerja kepada pelanggan.

Selain itu, temu bual yang dibuat kepada kumpulan pekerja pembersihan juga menunjukkan bahawa individu ini tidak mempunyai persepsi negatif terpaksa pekerjaan 3D. Malah, individu ini juga gembira kerana pekerjaan ini lebih memberikan keseronokan berbanding jangkaan. Beberapa pekerja pembersihan mengakui bahawa sebelum menceburi bidang ini terdapat sedikit perasaan takut untuk menceburi bidang seperti ini. Namun, selepas berkecimpung dalam bidang ini kumpulan ini menyedari bahawa pekerjaan ini ialah pekerjaan yang menarik untuk diceburi. Alternatif yang ada untuk meneruskan kelangsungan hidup semasa Perintah Kawalan Pergerakan adalah dengan mengambil upah memotong rumput, membersihkan halaman rumah atau longkang dan membuat perkhidmatan mencuci rumah kosong.

Kerja pembersihan yang dibuat juga telah membuka banyak peluang kepada individu yang mencuba untuk mendapatkan pendapatan sampingan seperti pelajar. Hasil temu bual dengan pekerja pembersihan kedua menunjukkan pelajar boleh menjana pendapatan pada waktu terluang dengan membuat kerja pembersihan.

Terdapat pekerja pembersihan yang terdiri daripada pelajar ijazah yang terpaksa tinggal di rumah sewa kerana tidak dibenarkan merentas daerah. Kerja pembersihan memberikan peluang untuk menjana pendapatan walaupun pekerjaan ini dibuat hanya untuk mengisi masa lapang sahaja. Kumpulan pelajar ini juga tidak menyangka bahawa ramai pelanggan yang sudi menghubunginya untuk mendapatkan khidmat pembersihan. Malah, terdapat pekerja pembersihan yang mengakui bahawa kerja pembersihan telah membuatkan dirinya nekad untuk berhenti kerja semata-mata untuk fokus kepada kerja pembersihan sahaja. Perkara yang menarik juga didapati bahawa pekerja pembersihan ini sanggup untuk berhenti kerja disebabkan kerja pembersihan lebih menarik daripada kerja lama yang diceburi sebagai pengurus acara sukan. Hal ini menunjukkan bahawa sektor pembersihan mempunyai ganjaran yang lebih berbaloi untuk diceburi.

Hasil temu bual bersama pekerja pembersihan ini menunjukkan bahawa pekerja pembersihan ini mengakui bahawa kerja pembersihan dapat menjana pendapatan dan menarik untuk diceburi. Walaupun sebelum ini ada pekerja pembersihan yang sudah mempunyai pekerjaan tetap, namun pekerja pembersihan ini sanggup memilih kerjaya sebagai pekerja pembersihan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

4.3. Strategi yang dilakukan oleh syarikat dan pekerja pembersihan untuk mengatasi halangan disebabkan peraturan semasa COVID-19

Usaha untuk mengekang penularan wabak Covid-19 telah menyebabkan banyak peraturan diperkenalkan kepada semua rakyat Malaysia. Hal ini telah menyebabkan syarikat dan pekerja pembersihan turut berdepan dengan masalah yang berlaku disebabkan kewujudan peraturan ketat. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat dan pekerja pembersihan untuk membuat kerja pembersihan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3.1. Sekatan polis di jalan raya

Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan kerajaan mengimplementasikan sekatan jalan raya secara besar-besaran di jalan raya. Hal ini dibuat bagi membolehkan polis mengawal pergerakan supaya hanya individu yang mempunyai permit bekerja dalam sektor yang dibenarkan sahaja untuk pergi merentas daerah. Mana-mana individu yang tidak mempunyai tujuan tidak dibenarkan untuk pergi ke mana-mana tanpa permit. Bagi individu yang mempunyai permit untuk bergerak disebabkan kerja pula perlu mematuhi kawalan jarak kerana jarak-jarak tertentu sahaja dibenarkan seperti kawasan pergerakan mestilah daripada lingkungan daerah sama sahaja.

Antara strategi yang digunakan oleh syarikat ialah memberi surat kebenaran yang bertulis daripada pihak Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) kepada pekerja yang membuat perkhidmatan pembersihan. Syarikat turut menyediakan perkakas keselamatan yang sesuai untuk digunakan seperti penutup muka, sarung tangan dan juga cecair pembasmi kuman kepada pekerja. Hal ini dapat mengurangkan risiko jangkitan kuman kepada pekerja pembersihan.

4.3.2. Pengurusan peraturan di premis

Peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan juga telah menyebabkan premis-premis mengetatkan peraturan keluar masuk ke dalam premis kediaman. Antara peraturan yang diperkenalkan ialah individu yang ingin membuat kerja-kerja perkhidmatan di premis perlu di vaksin sebanyak dua dos terlebih dahulu dan perlu mendapat permit kebenaran untuk bekerja dari Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Terdapat premis yang meletakkan peraturan bahawa individu bukan residen yang ingin memasuki premis perlu membuat ujian *swab* Covid-19 sekurang-kuranya 2 hari sebelum hari kejadian bagi memastikan individu tersebut bebas daripada jangkitan Covid-19. Hal ini telah menyebabkan pekerja pembersihan terpaksa membuat ujian *swab* Covid-19 secara kerap bagi memenuhi keperluan daripada pihak pengurusan premis.

Strategi yang digunakan oleh pekerja ini ialah mencetak salinan bukti suntikan vaksinasi Covid-19 dibuat. Kesemua dokumen seperti salinan kad pengenalan diri, dokumen bukti vaksinasi dan surat dari MITI telah didokumenkan dalam satu fail khas secara salinan keras dan lembut. Kesemua dokumen ini akan diserahkan kepada pelanggan 3 hari sebelum hari bekerja. Kit ujian Covid-19 pula dibeli secara borong daripada pembekal dalam kuantiti yang banyak supaya dapat membuat ujian tersebut pada bila-bila masa. Kit ujian disimpan di dalam kereta untuk memudahkan proses kemasukan ke rumah pelanggan. Hal ini kerana ada premis yang meletakkan syarat ujian *swab* perlu dibuat dalam masa 1 jam sebelum kemasukan ke premis.

Strategi yang dibuat oleh syarikat pula adalah memperkenalkan sistem tempahan awal kepada pelanggan. Pelanggan mestilah membuat tempahan perkhidmatan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum untuk memudahkan premis kemasukan kecuali pelanggan yang tinggal di rumah yang tidak mempunyai peraturan ketat. Syarikat juga mengehadkan pergerakan jarak pekerja pembersihan dengan meletakkan syarat hanya pekerja yang tinggal di daerah premis pelanggan sahaja boleh mengambil kerja tersebut. Pekerja pembersihan yang tinggal jauh atau di luar kawasan tidak boleh mengambil kerja yang ada supaya dapat pergerakan pekerja ini dikurangkan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat impak positif kepada sektor pembersihan di Lembah Klang sejak berlakunya pandemik Covid-19. Walaupun pandemik ini telah menyebabkan ramai orang kehilangan pekerjaan, namun hal ini telah membuka peluang baru untuk menceburi bidang pembersihan yang tidak dipandang secara serius oleh masyarakat. Malah, hal ini juga telah menyebabkan syarikat-syarikat dapat mengupah pekerja tempatan berbanding pekerja imigran dan mengurangkan kebergantungan syarikat kepada pekerja ini. Pekerja pembersihan ini juga dapat meneroka bidang baru dan hal ini telah memberi satu pandangan baru kepada sektor pembersihan di Malaysia.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidikan dibuat menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya (UMREC). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan kepada kumpulan syarikat pembersihan di Lembah Klang dan janitor yang terlibat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini telah dibiayai oleh biasiswa Skim Latihan Bumiputera dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Adnan, A. S. (2020). Covid-19: Koloni Warga asing cetus kluster baharu. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686348/covid-19-koloni-warga-asing-berisiko-cetus-kluster-baharu

Anderson, B. (2004) 'Migrant domestic workers and slavery', in C. van den Anker (ed.), *The Political Economy ofNew Slavery, Basingstoke*, UK: Palgrave Macmillan, 107–17.

Astro Awani. (2020). Sektor yang dikecualikan daripada Perintah Kawalan Pergerakan. (2020). *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sektor-yang-dikecualikan-daripada-perintah-kawalan-pergerakan-234182

Babulal, V. (2022, Mei 9). No proof locals don't want 3D jobs. *New Straits Time.* https://www.nst.com.my/news/nation/2022/05/794604/no-proof-locals-dont-want-3d-jobs

Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1995). The need to belong: Desire for interpersonal

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

attachments as a fundamental human motivation. *Psychological Bulletin, 117*(3), 497–529. https://doi.org/10.1037/0033-2909.117.3.497.

Burger, R., Von Fintel, M., & Van der Watt, C. (2018). Household Social Mobility for Paid Domestic Workers and Other Low-Skilled Women Employed in South Africa. *Feminist Economics*, *24*(3), 29–55. https://doi.org/10.1080/13545701.2017.1414951

Chen, M. A. (2016). Recognizing domestic workers, regulating domestic work: Conceptual, measurement, and regulatory challenges. *Canadian Journal of Women and the Law*, *23*(1), 167–184. https://doi.org/10.3138/cjwl.23.1.167

Dutton, J. E., Debebe, G., & Wrzesniewski, A. (2016). Being valued and devalued at work: A social valuing perspective. In B. A. Bechky, & K. D. Elsbach (Vol. Eds.), *Qualitative organizational research: Best papers from the Davis Conference on Qualitative Research.* III. Qualitative organizational research: Best papers from the Davis Conference on Qualitative Research (pp. 9–51). Charlotte, NC: Information Age Publishing.

Figueiredo, M. D. C., Suleman, F., & Botelho, M. D. C. (2016). Workplace abuse and harassment: The vulnerability of informal and migrant domestic workers in *Portugal. Social Policy and Society, 17*(1), 65–85. https://doi.org/10.1017/S1474746416000579

Fletcher, F. M. D. C., Suleman, F., & Botelho, M. D. C. (2016). Workplace abuse and harassment: The vulnerability of informal and migrant domestic workers in Portugal. *Social Policy and Society*, *17*(1), 65–85. https://doi.org/10.1017/S1474746416000579

Gurung, S. H. (2009). Nepali Female Migrants and Informalization of Domestic Care Work: Service or Servitude? *Journal of Workplace Rights*, *14*(3), 375–396. https://doi.org/10.2190/wr.14.3.g

Hamzah, I. S., & Daud, S. (2018). Implikasi Kemasukan Pekerja Asing Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. *Sains Insani*, *1*(1), 69–77. https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol1no1.11

Hashim, J. H., Adman, M. A., Hashim, Z., Mohd Radi, M. F., & Kwan, S. C. (2021). COVID-19 Epidemic in Malaysia: Epidemic Progression, Challenges, and Response. *Frontiers in Public Health*, *9*(May), 1–19. https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.560592

Hatton, E. (2017). Mechanisms of invisibility: Rethinking the concept of invisible work. *Work, Employment and Society, 31*(2), 336–351. https://doi.org/10.1177/0950017016674894

Hennekam, S., Ladge, J., & Shymko, Y. (2020). From zero to hero: An exploratory study examining sudden hero status among nonphysician health care workers during the covid-19 pandemic. *Journal of Applied Psychology*, *105*(10), 1088–1100. https://doi.org/10.1037/apl0000832

Kementerian Kesihatan Malaysia. (n.d). Covid-19 Malaysia. https://covid-19.moh.gov.my/

Kontos, M. (2013). Negotiating the Social Citizenship Rights of Migrant Domestic Workers: The Rights to Family Reunification and a Family Life in Policies and Debates. *Journal ofEthnic and Migration Studies*, 39, 409–24.

Malaysian Employers Federation (MEF) (2014). Practical Guidelines for Employers on the Recruitment, Placement, Employment and Repatriation of Foreign Workers in Malaysia. *Malaysian Employers Federation (MEF)*. http://www.mef.org.my/Attachments/MEFReport_PGERPERFWM.pdf [28 July 2020].

Muslim, N. (2020, Julai 5). Pekerja asing di pasar Jalan Othman resah fikir nasib mereka. *Malaysia Kini.* https://www.malaysiakini.com/news/533086

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rabelo, V. C., & Mahalingam, R. (2019). "They really don't want to see us": How cleaners experience invisible 'dirty' work. *Journal of Vocational Behavior*, *113*(September 2017), 103–114. https://doi.org/10.1016/j.jvb.2018.10.010

Sahni, S. P., & Junnarkar, M. (2019). 'Well-Being' of Domestic Workers in India. *Recognition of the Rights of Domestic Workers in India: Challenges and the Way Forward*, *2013*, 163–175. https://doi.org/10.1007/978-981-13-5764-0_9

Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108–116. https://doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093

Sinha, A., Quint, M., Sinha, P., Singh, A., & Sinha, P. K. (2020). Undervalued and Overrepresented: Voices of Migrant Domestic Workers in India. *Global Social Welfare*, *7*(3), 285–296. https://doi.org/10.1007/s40609-019-00149-0

Sivanandam, H. (2018, November 22). *The Star*. https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/11/22/youths-will-do-3d-dangerous-dirty-and-difficult-jobs-if-paid-more-says-kula/

Tunon, M., & Baruah, N. (2012). Public attitudes towards migrant workers in Asia. *Migration and Development*, *1*(1), 149–162. https://doi.org/10.1080/21632324.2012.718524

Wahab, A. (2020). The outbreak of Covid-19 in Malaysia: Pushing migrant workers at the margin. *Social Sciences and Humanities Open*, *2*(1), 100073. https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2020.100073

Zock, J. P. (2005). World at work: Cleaners. *Occupational and Environmental Medicine*, *62*(8), 581–584. https://doi.org/10.1136/oem.2004.015032

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).